

UniSIM kini digelar Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura

UNIVERSITI SIM (UniSIM) dinamakan semula sebagai Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) bermula semalam sebagai sebahagian penyusunan semulanya menjadi universiti berautonomi keenam di negara ini.

Nama baru itu mencerminkan misi pembelajaran sepanjang hayat universiti itu dan asasnya dalam bidang yang mempunyai tumpuan sosial.

“Apa yang akan menjadi ciri paling unik universiti itu adalah tradisi pendidikan gunaan serta pendekatannya kepada pelajar dewasa, semuanya yang akan dikekalkan dan diperkukuh,” kata Menteri Pendidikan (Pengajian Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung.

Universiti itu akan mempunyai dua ciri tersendiri.

Pertama adalah fokus dalam bidang sains sosial dan bidang yang mempunyai kesan tinggi ke atas pembangunan kemanusiaan dan masyarakat.

Programnya akan memberi tumpuan kepada usaha menyiapkan pelajar bagi pekerjaan sektor sosial dan pekerjaan yang lebih cenderung kepada aspek sosial seperti pengurusan sumber manusia dan pendidikan awal kanak-kanak.

Universiti itu akan tetap menyediakan beberapa kursus dalam

bidang lain seperti perniagaan dan kejuruteraan.

Kedua, SUSS akan memberi tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat dan menyertai SkillsFuture secara aktif.

SkillsFuture ialah pergerakan di peringkat nasional bagi memupuk pendidikan berterusan dan pembangunan kemahiran.

UniSIM telah memberi tumpuan kepada pelajar dewasa sejak penubuhannya pada 2005 bagi membantu mereka meningkatkan diri dalam kerjaya atau beralih kepada bidang kerjaya lain.

Presiden SUSS, Profesor Cheong Hee Kiat, berkata sekolah itu akan memenuhi keperluan pelbagai pelajar di samping menyediakan fleksibiliti bagi pembelajaran mereka.

“Kami komited akan memastikan SUSS kekal di barisan hadapan dalam pendidikan tinggi gunaan yang inovatif dan fleksibel, menerusi kerjasama erat dengan industri, majikan dan masyarakat dalam pembangunan dan reka bentuk program kami.

“Dengan memanfaatkan teknologi, fakulti kami akan menjadi progresif dan mampu membuat penyesuaian dalam memenuhi pelbagai keperluan, latar belakang dan kebolehan pelajar,” ujar Profesor Cheong.



“Apa yang akan menjadi ciri paling unik universiti itu adalah tradisi pendidikan gunaan serta pendekatannya kepada pelajar dewasa, semuanya yang akan dikekalkan dan diperkukuh.”

– Menteri Pendidikan (Pengajian Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung.